



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

B

U

L

E

T

I

N

Ramadan

1445H/2024M



1 - 10 RAMADAN

12 - 21 MAC 2024

1.0

Info Ihya' 1- 10 Ramadan

- 1 Pelancaran Ihya' Ramadan
12 Mac 2024
- 2 Majlis Bicara Wahyu
12 Mac 2024
- 3 Agihan Bubur Lambuk
15 Mac 2024
- 4 Jaulah Ramadan
18-19 Mac 2024



JADUAL WAKTU SOLAT W. PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

Tarikh	Hari	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Mar	Selasa	6:03	6:13	7:19	13:26	16:36	19:27	20:36
13 Mar	Rabu	6:03	6:13	7:19	13:25	16:35	19:27	20:36
14 Mar	Khamis	6:03	6:13	7:19	13:25	16:34	19:27	20:36
15 Mar	Jumaat	6:02	6:12	7:18	13:25	16:33	19:27	20:35
16 Mar	Sabtu	6:02	6:12	7:18	13:25	16:32	19:26	20:35
17 Mar	Ahad	6:01	6:11	7:18	13:24	16:32	19:26	20:35
18 Mar	Isnin	6:01	6:11	7:17	13:24	16:31	19:26	20:35
19 Mar	Selasa	6:01	6:11	7:17	13:24	16:30	19:26	20:35
20 Mar	Rabu	6:00	6:10	7:17	13:23	16:29	19:26	20:35
21 Mar	Khamis	6:00	6:10	7:16	13:23	16:28	19:26	20:34
22 Mar	Jumaat	5:59	6:09	7:16	13:23	16:27	19:25	20:34
23 Mar	Sabtu	5:59	6:09	7:15	13:23	16:26	19:25	20:34

Tazkirah Ramadan 1445H

KEFARDUAN PUASA RAMADAN

Surah al-Baqarah : 183

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى

الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Wahai orang-orang yang beriman!
Kmau diwajibkan berpuasa
sebagaimana diwajibkan atas
orang-orang yang dahulu daripada
kamu, supaya kamu bertakwa.

SYARAT WAJIB PUASA

ISLAM

1. Orang kafir yang masuk islam tidak wajib qadha puasanya ketika belum islam.
2. Orang murtad yang bertaubat, wajib qadha puasanya yang ditinggalkan semasa murtad.

TAKLIF

1. Baligh
2. Berakal

Apabila jatuh sifat taklif maka dia tidak dituntut sedikitpun melaksanakan tugas-tugas keagamaan.

MAMPU

1. Tidak wajib ke atas mereka yang tak mampu secara fizikal seperti orang tua yang tak mampu berpuasa.
2. Atau tidak mampu pada syarak seperti yang berada dalam haid atau nifas.

SIHAT

Tidak wajib bagi mereka yang sakit dengan kemudharatan yang mengharuskan taymmum. (jika dia berpuasa akan bertambah sakit, lambat sembuh atau boleh ancam nyawa)

MUKIM

Tidak wajib bagi mereka yang dalm musafir dengan perjalanan yang harus pada syarak. (Tiada rukhsah bagi musafir yang bertujuan maksiat).



INFO HADIS RAMADAN



BERSEDEKAH DAN MEMBERI MAKAN

Dalam sebuah hadis riwayat al-Imam al-Bukhari Rahimahullah, daripada Ibn Abbas R.A:

Maksudnya: Adalah Nabi ﷺ seorang yang paling pemurah dan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan ketika Jibril AS bertemu dengannya. Adalah Jibril AS bertemu dengan Nabi ﷺ pada setiap malam pada bulan Ramadan untuk mengulangkaji Al-Quran dan kemudiannya Rasulullah ﷺ menjadi lebih pemurah daripada hembusan angin yang pantas.

Riwayat al-Bukhari

Banyaknya Nabi SAW bersedekah pada bulan Ramadan menunjukkan bahawa bersedekah pada bulan ini terdapat kelebihan yang tersendiri. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA menyebutkan:

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الصَّوْمِ أَفْضَلُ بَعْدَ رَمَضَانَ فَقَالَ: شَعْبَانَ لِتَعْظِيمِ رَمَضَانَ. قِيلَ فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ قَالَ: صَدَقَةٌ فِي رَمَضَانَ

Maksudnya: Ditanyakan Nabi ﷺ puasa apakah yang terbaik selepas Ramadan?. Jawab Nabi ﷺ: Puasa di bulan Sya'ban untuk mengagungkan Ramadan. Ditanya lagi sedekah apakah yang paling afdal. Jawab Nabi ﷺ: Sedekah di bulan Ramadan.

Riwayat al-Tirmidhi

Aktiviti Ihya' Ramadan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
1445H

PELANCARAN IHYA' RAMADAN
12 MAC 2024

Aktiviti
IHYA' RAMADAN

- Majlis Bicara Wahyu
- Tabung Ihya' Ramadan
- Hijrah Kasih
- Jaulah Ramadan
- Tazkirah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2024



Disempurnakan oleh:
YB FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN

YB Fadhlina Binti Sidek, Menteri Pendidikan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadan peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia pada 12 Mac 2024 bersamaan 1 Ramadan 1445H di Auditorium Kompleks E, Putrajaya. Turut hadir Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin Bin Mohd Zawawi, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Tuan Haji Azman Bin Haji Adnan dan Pengurusan Tertinggi KPM.

Pada majlis tersebut YB Fadhlina Binti Sidek sempat membaca satu syair yang dikarang oleh Sheikh Abdul Wahab al-Shamliy al-Sibagh al-Halabiy iaitu :

رمضان تجلى وابتسم طوبى للعبد إذا اغتنم
أرضى مولاه بما التزم طوبى للنفس بتقواها

“Ramadan menjelma dan tersenyum berseri, beruntunglah hamba ketika sedia diri, dia menyenangkan tuannya dengan apa yang dikerjakannya, berbahagialah jiwa dalam ketakwaannya.”



Aktiviti Ihya' Ramadan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1445H

MAJLIS BICARA WAHYU (MBW)
12 MAC 2024

Aktiviti
IHYA' RAMADAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2024

- ◆ Majlis Bicara Wahyu
- ◆ Tabung Ihya' Ramadan
- ◆ Hijrah Kasih
- ◆ Jaulah Ramadan
- ◆ Tazkirah

Selesai perasmian Pelancran Ihya' Ramadan peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, program Ihya' Ramadan diteruskan dengan Program Majlis Bicara Wahyu anjuran Bahagian Pendidikan Islam, KPM. Selaras dengan objektif Program Ihya' Ramadan 1445H iaitu melahirkan warga KPM yang sentiasa memiliki sahsiah diri yang mulia dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian

Majlis Bicara Wahyu sempena Program Ihya' Ramadan ini mengundang khas seorang penceramah yang tidak asing lagi iaitu al-Fadil Ustaz Hazri Hashim al-Bindaniy penceramah jemputan Radio IKIM Fm dan TV Al-Hijrah. Program ini dihadiri oleh warga KPM serta beberapa sekolah jemputan untuk turut sama mengambil bahagian dalam Majlis Bicara Wahyu edisi khas sempena Pelancaran Program Ihya' Ramadan peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.



Aktiviti Ihya' Ramadan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1445H

**JAULAH RAMADAN KPM
15 MAC 2024**

**Aktiviti
IHYA' RAMADAN**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2024

- ◆ Majlis Bicara Wahyu
- ◆ Tabung Ihya' Ramadan
- ◆ Hijrah Kasih
- ◆ Jaulah Ramadan
- ◆ Tazkirah

YB Menteri Pendidikan Fadhlina Binti Sidek berpeluang beramah mesra bersama warga Masjid Mahmoodiah Presint 18 Putrajaya untuk program Jaulah Ramadan dan Agihan Bubur Lambuk. YB Menteri Pendidikan berbesar hati untuk mengagih sendiri bubur lambuk kepada hadirin di majlis tersebut.

Majlis tersebut diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin Bin Mohd Zawawi, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Tuan Haji Azman Adnan diringi Pengurusan Tertinggi KPM.

Agihan bubur lambuk telah disempurnakan dalam dua sesi oleh YB Menteri Pendidikan iaitu selepas Solat Jumaat dan Solat Asar. Program Jaulah ini turut dimeriahkan lagi dengan rakaman Ceramah Khas oleh Salam HD saluran 113 bersama beberapa penceramah jemputan untuk Rancangan Diari Masjid (Penggambaran Masjid).



Aktiviti Ihya' Ramadan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1445H

**JAU LAH RAMADAN KPM
18 - 19 MAC 2024**

**Aktiviti
IHYA' RAMADAN**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2024

- ◆ Majlis Bicara Wahyu
- ◆ Tabung Ihya' Ramadan
- ◆ Hijrah Kasih
- ◆ Jaulah Ramadan
- ◆ Tazkirah



Pada 18-19 Mac 2024 telah berlangsung Program Jaulah Ramadan Kementerian Pendidikan Malaysia di Negeri Perak bersama-sama YB Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek dan turut diiringi Pengurusan Tertinggi KPM. Turut hadir ke program tersebut Pengarah Bahagian dan Pegawai KPM/JPN/PPD.

Program ini juga dimeriahkan dengan agihan sumbangan kepada murid asnaf. Program ini melibatkan semua guru dan murid di Sekolah Agama Menengah Raja Perempuan Taayah, SABK Maahad Al-Ummah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun.

Program ini turut diimarahkan dengan Tadabbur Ayat al-Quran, Iftar Jamaie bersama warga sekolah, Solat Tarawih, Tazkirah Pendek, Moreh, Sahur, Solat Subuh seperti Jumaat dan Penghayatan Hadis 40.



BACAAN TAZKIRAH RAMADAN SEPANJANG RAMADAN



Ramadan
Tiptop

BACAAN TAZKIRAH RAMADAN

- Dilaksanakan sebelum Solat Zuhur.
- Semua surau Bahagian akan dikendalikan oleh pegawai dan staf masing-masing.
- Buku tazkirah disediakan oleh BPI dan diedarkan kepada semua Bahagian KPM.



Aktiviti Ihya' Ramadan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
1445H

Jom
Sedekah



TABUNG IHYA' RAMADAN

**BERMULA 13 MAC 2024 HINGGA
26 MAC 2024**


DuitNow
QR



PERTUBUHAN DAKWAH ISLAMIAH
TABUNG IHYA RAMADAN KPM TAHUN 2024

MALAYSIA NATIONAL QR

**ADALAH NABI SAW SEORANG YANG PALING PEMURAH DAN MENJADI
LEBIH PEMURAH PADA BULAN RAMADAN KETIKA JIBRIL AS BERTEMU
DENGANNYA. ADALAH JIBRIL AS BERTEMU DENGAN NABI PADA
SETIAP MALAM PADA BULAN RAMADAN UNTUK MENGULANG KAJI AL-
QURAN DAN KEMUDIANNYA RASULULLAH SAW MENJADI LEBIH
PEMURAH DARIPADA HEMBUSAN ANGIN YANG PANTAS**

RIWAYAT AL-BUKHARI (3554)